



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

Aku Wanita
@KRT

ADVOKASI KESEJAHTERAAN UNTUK WANITA@KEGANASAN RUMAH TANGGA

PANDUAN KIT CeKaL

KIT TINDAKAN CEMAS, KEMAS DAN LARI

PENGENALAN KEGANASAN RUMAH TANGGA

Keganasan rumah tangga merupakan satu isu sosial yang serius di Malaysia yang memberi kesan mendalam terhadap kesejahteraan fizikal dan emosi mangsa. Di Malaysia, perlindungan terhadap mangsa keganasan rumah tangga telah diperuntukkan di bawah **Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521)**, yang telah dipinda untuk meningkatkan keberkesanan perlindungan. Akta ini membolehkan mangsa mendapatkan beberapa bentuk perintah perlindungan seperti **Perintah Perlindungan Sementara (IPO)**, **Perintah Perlindungan (PO)**, dan **Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO)**. EPO boleh dikeluarkan tanpa memerlukan laporan polis dan boleh dipohon secara langsung melalui **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** untuk perlindungan segera dalam tempoh 7 hari.

KIT CeKaL

Kit **CeKaL** membawa maksud Kit Tindakan **Cemas, Kemas dan Lari**. Kit ini merupakan satu beg yang disediakan lebih awal oleh mangsa sebagai persediaan untuk melarikan diri dengan cepat apabila berlaku situasi yang berbahaya atau mengancam nyawa. Ia mengandungi barangan penting yang diperlukan untuk beberapa hari pertama selepas keluar dari rumah yang tidak selamat.

TUJUAN

- Memberikan jalan keluar pantas tanpa perlu berkemas pada saat kecemasan.
- Menyimpan dokumen penting dan keperluan harian untuk meneruskan hidup sementara mendapatkan bantuan.
- Mengurangkan risiko dan bahaya semasa proses meninggalkan rumah.

Proses EPO

Permohonan EPO



Pengeluaran Perintah
oleh JKM



Perlindungan selama
7 hari

Dokumen EPO

Salinan kad pengenalan mangsa dan ahli keluarga yang memerlukan perlindungan (warganegara)

Salinan dokumen perjalanan dan pengenalan diri mangsa dan ahli keluarga yang memerlukan perlindungan (bukan warganegara)

Permohonan EPO adalah secara *ex-parte*

1

Mangsa

2

Peguam
Mangsa

3

Penjaga, saudara
atau orang yang
bertanggungjawab
menjaga kanak-kanak
atau orang dewasa
yang tidak
berkeupayaan

4

Pegawai kebajikan
masyarakat selain
Pegawai Kebajikan
Masyarakat Yang Diberi
Kuasa

Permasalahan Mangsa dalam Situasi KRT

Ramai mangsa keganasan rumah tangga tidak berpeluang untuk bersuara atau melarikan diri tepat pada waktunya akibat kawalan, ugutan dan tekanan berterusan daripada pendera. Setiap saat memberi makna yang besar kerana kelewatan walaupun seketika boleh mengundang bahaya. Justeru, perancangan awal merupakan keperluan penting demi keselamatan diri. Menyimpan dokumen penting, wang tunai, telefon, dan keperluan asas di tempat yang selamat boleh menjadi penyelamat apabila peluang melarikan diri tiba. Tanpa persiapan, kemungkinan untuk terperangkap semula adalah tinggi.



1. DOKUMEN PENTING : (SALINAN JIKA TIDAK BOLEH BAWA ASAL)

- Kad pengenalan (IC), sijil kelahiran, pasport
- Surat nikah / perceraian
- Kad bank / buku bank
- Dokumen kewangan / dokumen hak penjagaan anak
- Lesen memandu
- Kad pengenalan anak-anak
- Bil Utiliti
- Resit pembelian barangan dapur/ bayaran tanggungan

2. KEWANGAN :

- Wang tunai secukupnya
- Kad debit / kredit (jika ada)

3. PAKAIAN DAN KEPERLUAN PERIBADI :

- Pakaian harian untuk 2–3 hari
- Pakaian dalam, stokin, kasut, tudung (jika perlu)
- Produk kebersihan diri (ubat gigi, sabun, tuala wanita, dll.)
- Lampin dan susu anak (jika ada anak kecil)

4. TELEFON BIMBIT & PENGECAS / POWERBANK

5. UBAT-UBATAN PENTING / PRESKRIPSI

6. MAKANAN KERING RINGAN (SNACKBAR YANG TAHAN LAMA)

7. BARANG PERMAINAN KECIL/ BUKU UNTUK ANAK

8. SENARAI NO TELEFON ORANG YANG BOLEH DIPERCAYAI (KELUARGA/RAKAN)

9. SALURAN ADUAN

- | | | |
|----------------------------|-------------------------|-------------------------|
| • Talian Heal 15555 | • Talian Kecemasan | • Talian Kasih 15999 |
| • Talian Teledera | (Polis/Bomba/Pertahanan | (Whatsapp 019 261 5999) |
| 1800 88 3040 | Awam/Hospital) | |
| | 999 | |

10. TEMPAT SELAMAT UNTUK MANGSA KRT

- Rumah perlindungan Jabatan Kebajikan Masyarakat (dapatkan EPO)
- Masjid Transit
- Rumah Perlindungan NGO (contoh: IKRAM, Teratai)



Nombor Telefon Penting (Jika Kecemasan)

Nama :
No. Telefon :

Nama :
No. Telefon :

Nama :
No. Telefon :

Nama :
No. Telefon :

Nama :
No. Telefon :

Nama :
No. Telefon :

Nama :
No. Telefon :

Senarai Semak KIT CeKaL

- ☐ No Kad Pengenalan
- ☐ Surat Beranak
- ☐ Surat Nikah
- ☐ Lesen Memandu
- ☐ Bil Utiliti
- ☐ Resit Pembelian Barangan Dapur/ Tanggungan
- ☐ Wang Tunai
- ☐ Kad Debit
- ☐ Pakaian harian dan Pakaian dalam
Produk kebersihan (berus gigi, ubat gigi, tuala wanita)
- ☐ Lampin dan susu anak (jika perlu)
- ☐ Telefon
- ☐ Pengecas / *Powerbank*
- ☐ Ubat-ubatan/ Preskripsi
- ☐ Makanan Kering Ringan
- ☐ Barang Permainan kecil/ Buku



- 1 Simpan di rumah rakan/keluarga dipercayai, pejabat, atau tersembunyi dan berhampiran dengan pintu/ di dalam kenderaan ;
- 2 Sembunyikan dengan kreatif tetapi mudah diakses ketika kecemasan ;
- 3 Semak kandungan beg dan pastikan kemaskini jika perlu.



- 1 Jangan simpan beg ini di tempat yang boleh dikesan oleh pelaku (contohnya dalam almari utama)

Kredit Sumber



- Modul Skuad Waja
(Jabatan Pembangunan Wanita)
- Modul Skuad Waja 2.0
(Jabatan Pembangunan Wanita)
- WAO (*Women's Aid Organisation*)



**JABATAN
PEMBANGUNAN
WANITA**

Disediakan oleh:
Bahagian Pembangunan Psikologi

Jabatan Pembangunan Wanita
Aras 23, 55 Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya

Tel : 03 8323 1000
Emel : bppsi@jpw.gov.my



Jabatan Pembangunan Wanita



JPWanita



jpwanita



JPWanita



InfoJPW



jpwanita



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

KIT KEGANASAN RUMAH TANGGA






KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

1 Apa itu keganasan rumah tangga?

Keganasan rumah tangga merupakan fenomena yang sering berlaku sama ada di Malaysia mahupun di luar negara. Fenomena ini merupakan satu perkara yang membimbangkan. Walaupun jumlah kes menunjukkan penurunan namun jumlah keseluruhan kes keganasan rumah tangga yang berlaku masih berada pada tahap yang membimbangkan kerana jumlah bilangan kes yang berlaku adalah tinggi.

Perkara ini dapat dibuktikan melalui statistik
Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Kes Dilaporkan





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

2 Siapakah yang boleh menjadi mangsa keganasan rumah tangga?

Mengikut Akta Keganasan Rumah Tangga, mangsa keganasan rumah tangga merangkumi isteri atau suami, bekas isteri atau suami, kanak-kanak, orang dewasa tidak berkeupayaan, dan mana-mana anggota keluarga lain. Ini bermaksud, sesiapa sahaja yang berada dalam lingkungan rumah tangga boleh menjadi mangsa, tanpa mengira jantina, bangsa, atau kewarganegaraan.

Berikut adalah penjelasan lebih lanjut :



- **Isteri atau Suami:** Ini termasuk pasangan yang sah dan masih terikat dalam perkahwinan.
- **Bekas Isteri atau Suami:** Keganasan juga boleh berlaku antara bekas pasangan yang telah bercerai.



- **Kanak-kanak:** Kanak-kanak yang berada dalam lingkungan rumah tangga boleh menjadi mangsa keganasan.
- **Orang Dewasa Tidak Berkeupayaan:** Ini termasuk individu yang mengalami kekurangan dari segi fizikal atau mental yang memerlukan penjagaan dan perlindungan.
- **Anggota Keluarga Lain:** Ini boleh merangkumi sesiapa sahaja yang tinggal dalam rumah tangga tersebut, seperti ibu bapa, adik-beradik, atau ahli keluarga lain yang tinggal bersama.



Walaupun sering dikaitkan dengan wanita, adalah penting untuk diingat bahawa lelaki, warga emas, dan kanak-kanak juga boleh menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Akta ini bertujuan untuk melindungi semua individu yang terjejas oleh keganasan dalam rumah tangga.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

3 Apakah bentuk-bentuk keganasan rumah tangga?

PENDERAAN FIZIKAL

Memukul, menendang, menampar, atau mencederakan mangsa dengan cara lain.



PENDERAAN SEKSUAL

Memaksa mangsa melakukan aktiviti seksual tanpa kerelaan.



PENDERAAN EMOSI

Mengkritik, menghina, mengancam, atau mengawal mangsa.



PENDERAAN PSIOKOLOGI

Menyebabkan mangsa berasa takut, tidak selamat, atau tidak berharga.



PENGABAIAN

Gagal menyediakan keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, atau penjagaan kesihatan.





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA



4 Bagaimana saya boleh tahu jika saya menjadi mangsa keganasan rumah tangga?

Jika anda berasa takut, tertekan, atau dikawal secara melampau oleh pasangan atau ahli keluarga, atau jika anda pernah dcederakan secara fizikal atau emosi – anda mungkin menjadi mangsa.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

5 Adakah keganasan rumah tangga satu jenayah di Malaysia?



Ya. Di bawah **Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Pindaan 2017)** dan **Kanun Keseksaan**, keganasan rumah tangga adalah satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan undang-undang. Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Pindaan) 2017 telah dikuatkuasakan di seluruh Malaysia. Jenayah keganasan yang dilakukan dalam rumahtangga kian meningkat dan kini merupakan masalah sosial. Isu sosial ini boleh membawa kepada keruntuhan masyarakat sekiranya tidak dibendung. Akta Keganasan Rumahtangga 1994 adalah satu undang-undang yang memberi perhatian yang khusus dalam hal-hal keganasan rumahtangga dengan memperuntukkan beberapa cara penyelesaian bagi kes-kes sedemikian.





6 Apa yang perlu dilakukan jika seseorang individu menjadi mangsa?

1

Mangsa perlu **membuat laporan polis** dan membuat permohonan Perintah Perlindungan Interim di mana-mana balai polis berdekatan.

2

Mangsa juga boleh **mendapatkan pertolongan di Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) di hospital-hospital kerajaan** yang terletak di wad kecemasan dan trauma. Laporan polis juga boleh dibuat di hospital berkenaan. Difahamkan, di OSCC, doktor akan memberi rawatan untuk sebarang kecederaan dan juga akan mengumpul bukti yang boleh digunakan sebagai bahan bukti di mahkamah.

3

Mangsa boleh mendapatkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) melalui **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**.

Ia merupakan suatu perintah yang boleh dimohon oleh mangsa pada bila-bila masa dan terpakai dalam takrif keganasan rumah tangga di bawah Seksyen 2, Akta 521.

Bagi laporan tersebut, mangsa perlu memberi keterangan tentang penderaan itu seperti apakah yang berlaku, bila ia berlaku (tarikh dan masa), lokasi kejadian dan siapa yang terlibat.

Pemandiri perlu membawa kad pengenalan atau sijil kelahiran dan tidak perlu membuat laporan polis untuk mendapatkan EPO yang sah selama tempoh tujuh hari itu.

4

Selain itu, **sokongan emosi psikososial** juga boleh didapati menerusi inisiatif kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

7

Peruntukan Perundangan Di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Pindaan) 2017 (Akta 521)



Emergency Protection Order (EPO)

Terpakai kepada mangsa kesalahan keganasan rumah tangga (KRT) di bawah :

- Seksyen 2 perenggan (a) atau (b) Akta 521.
- Seksyen 2 (a): Sengaja meletakkan atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan/ kecederaan fizikal.
- Seksyen 2 (b): Mencederakan mangsa secara fizikal.

Boleh dimohon bila-bila masa (kuasa) melulus oleh pegawai JKM), sama ada mangsa telah mempunyai IPO dan PO sebelum itu atau IPO dan PO tersebut belum selesai.

Perintah EPO diberikan untuk:

- Menghalang pelaku daripada mencederakan mangsa;
- Menghalang pelaku menghasut orang lain untuk melakukan KRT; atau
- Melarang pelaku memasuki tempat selamat, tempat berlindung, tempat kediaman, kediaman bersama atau kediaman alternatif.

Interim Protection Order (IPO)

IPO boleh dimohon di Mahkamah sementara menunggu siasatan pihak polis.

- Permohonan dibuat oleh *Ex-Parte* iaitu;
 - (i) Mangsa,
 - (ii) Peguam mangsa; atau
 - (iii) Pegawai Kebajikan Masyarakat bagi pihak mangsa. (Seksyen 12A)
- IPO menghalang pelaku dari melakukan KRT dan menghalang pelaku dari menghasut untuk melakukan KRT terhadap mangsa.



Protection Order (PO)

Dikeluarkan oleh mahkamah dalam prosiding yang melibatkan suatu aduan KRT.

- Implikasinya adalah untuk menghalang pelaku melakukan KRT terhadap mangsa.
- Mahkamah boleh memasukkan peruntukan bahawa pelaku tidak boleh menghasut orang lain untuk melakukan keganasan terhadap orang lain untuk melakukan keganasan terhadap orang yang dilindungi;
- Berkuatkuasa selama tempoh tidak melebihi 12 bulan dari tarikh mula berkuatkuasanya perintah itu.





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

8 Apakah saluran bantuan yang boleh saya hubungi?



Talian Kasih 15999 :

Talian ini beroperasi 24 jam untuk memberikan bantuan dan kaunseling kepada mangsa keganasan rumah tangga.

Whatsapp 019-261 5999 :

Selain panggilan, mangsa juga boleh menghubungi Talian Kasih melalui aplikasi Whatsapp.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) :

Mangsa boleh memohon perintah perlindungan kecemasan (EPO) di pejabat JKM terdekat.

Polis :

Laporan polis boleh dibuat untuk mendapatkan perintah perlindungan sementara (IPO).

Hospital :

Sekiranya cedera, mangsa boleh mendapatkan rawatan di hospital berdekatan.

Penting untuk diingat bahawa mangsa keganasan rumah tangga tidak bersendirian dan terdapat banyak saluran untuk mendapatkan bantuan.





Disediakan oleh:
Bahagian Pembangunan Psikologi

Jabatan Pembangunan Wanita
Aras 23, 55 Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya

Tel : 03 8323 1000
Emel : bppsi@jpw.gov.my

